

BEKALAN IKAN DI KELANTAN SUSUT 10,000 TAN METRIK SETAHUN

Nelayan bot besar 'lari' ke negeri lain

HM 21/1/2024 pg 20

Pasir Puteh: Jumlah pendataran ikan di Kelantan merosot iaitu 10,000 tan metrik setiap tahun dan berada di kedudukan ke-11 daripada 13 negeri.

Kemerosotan pendataran ikan di Kelantan berpunca kebanyakannya nelayan vesel C2 di negeri ini berhijrah ke Terengganu, Pahang, dan juga Johor.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Muhammad Faiz Fadzil berkata, keadaan itu berlaku disebabkan keadaan perairan di Kelantan semakin cetepek menyukarkan kapal vesel C2 mendarat.

Katanya, situasi yang berlaku itu menyebabkan kapal vesel C2 di Pelabuhan Tok Bali dan Kuala Besar di sini, berkurangan.

Beliau berkata, kompleks pendataran ikan di Kuala Besar di sini, memerlukan kerja pengorekan pasir atau laut yang semakin cetepek.

"Keadaan ini menyukarkan bot besar mendaratkan ikan. Justeru, mereka memilih berhijrah ke tempat yang menjanjikan pulangan lebih baik."

"Pada masa sama, prasarana lengkap di pelabu-



MUHAMMAD Faiz (tiga dari kiri) menyerahkan geran kepada usahawan ketika Majlis Penyerahan Traktor Di Bawah Program Mekanisasi Dan Automasi 2024 Dan Penyampaian Program Industri Asas Tani di Pantai Pachakan. - Gambar NSTP/HAZIRA AHMAD ZAIDI

han lain menyebabkan nelayan berpindah tempat.

"Ia secara tidak langsung memberikan kesan kepada ekonomi di Kelantan apabila peluang perniagaan dan pekerjaan kepada anak negeri itu terjejas disebabkan kemerosotan industri perikanan."

"Sedangkan kita lihat

perairan laut Kelantan cukup luas. Sudah pasti hasil tangkapannya baik dan dalam hal ini kita harus meningkatkan usaha mengembalikan semula nelayan Kelantan," katanya.

Mengulas lanjut, Muhammad Faiz berkata, pihaknya mencari pelbagai mekanisme bagi membo-

lehkan Pelabuhan Tok Bali kembali rancak semoga mana disasarkan.

"Di Tok Bali ada tanah luas, namun sehingga kini kita belum berjaya mencari pelabur membuka kilang pemprosesan ikan di kawasan berkenaan.

"Apabila kita ada kilang pemprosesan ikan, vesel ini mendarat di Tok Bali disebabkan mereka tahu ada hasil yang dibeli secara cepat," katanya.

Terdahulu beliau menyempurnakan Majlis Penyerahan Traktor Di Bawah Program Mekanisasi Dan Automasi 2024 Dan Penyampaian Program Industri Asas Tani di Pantai Pachakan.

Pada majlis berkenaan, Muhammad Faiz Fadzil menyerahkan traktor bernilai RM72,080 kepada Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Semerak, Zahari Mamat mewakili nelayan Pantai Pachakan.

Pada majlis sama, satu penyerahan Geran Agroproneur Muda (GAM) dan dua penyerahan Program Geran Pemadanan Change Upgrade Product (CUP) dengan nilai keseluruhan RM116,521.